

**ADUN BN Keluar Dewan Protes Kenyataan Ketua Menteri Berbaur Hasutan Kaum Bernama  
07 Mei, 2012**

GEORGE TOWN, 7 Mei (Bernama) -- Kesemua 10 Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) dari Barisan Nasional (BN) pada Isnin bertindak keluar dari Dewan Undangan Negeri beramai-ramai sebagai membantah kenyataan Ketua Menteri Lim Guan Eng yang disifatkan menghasut dan berbaur perkauman.

Lim telah mengeluarkan kenyataan: "Sekiranya Umno kembali berkuasa, saya rasa semua kuil Hindu terancam" ketika mencelah perbahasan oleh seorang penyokong kerajaan Tanasekharan Audherapady (DAP-Bagan Dalam).

Terdahulu, Tanasekharan sedang menyampaikan ucapan perbahasan usul ucapan terima kasih sempena perasmian Dewan Undangan Negeri oleh Yang Dipertua Negeri Tun Abdul Rahman Abbas bagi Majlis Perasmian Mesyuarat Pertama, Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Ke-12 di sini pada Isnin.

Dalam ucapannya beliau mendakwa kaum minoriti sering dipinggirkan semasa BN memegang tampuk pemerintahan kerajaan.

Lim kemudiannya mencelah dan membuat kenyataan yang berunsur hasutan dan perkauman itu yang menyebabkan Ketua Pembangkang Datuk Azhar Ibrahim (BN-Penaga) membantah dan meminta Lim menarik balik serta meminta maaf kerana kenyataan itu berniat jahat.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=664204>